

Hadapi kumpulan politik, ekonomi

Perluas anggota

Daripada Ahmad Nazri Abdullah

HANOI, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melahirkan hasratnya untuk melihat sebuah masyarakat Asia Tenggara yang makmur, kukuh dan bekerjasama untuk keamanan, kemajuan dan kestabilan serantau.

"Malaysia menjangka satu kelahiran masyarakat Asia Tenggara dengan penduduknya bebas melawat antara satusama lain serta perdagangan dan pelaburan mengalir tanpa sebarang sekatan.

"Sebuah masyarakat Asia Tenggara dengan institusi bersama diwujudkan untuk melatih ahli sains dan cendekiawan supaya setanding dengan mereka di negara maju," katanya di majlis makan malam yang diberi oleh Perdana Menteri Vietnam, Vo Van Kiet, bagi merayakan lawatan beliau di sini malam ini.

Katanya, perkembangan dunia kini meyakinkan Malaysia bahawa negara di rantau ini tidak mempunyai pilihan kecuali bekerjasama rapat bagi menghadapi kumpulan politik dan ekonomi di Amerika dan Eropah.

Dengan merujuk pakatan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara, Eropah dan Pakatan Eropah Bebas, Perdana Menteri menegaskan negara di rantau ini perlu segera bekerjasama dan merancang masa depan berdasarkan kepentingan bersama kerana kedua-dua pakatan itu mengutamakan kepentingan mereka sendiri.

Dr Mahathir yakin, apabila keanggotaan Asean diperluas kepada 10 negara (Vietnam, Laos,



DR MAHATHIR
...tiada pilihan

Kemboja dan Myanmar), hasrat mewujudkan sebuah masyarakat Asia Tenggara yang kuat dan stabil, boleh tercapai.

"Vietnam dan Laos sudah menyatakan kesediaan menandatangani perjanjian persahabatan dan kerjasama Asean, manakala dua lagi, Myanmar dan Kemboja dijangka menyertainya selepas keadaan mereka stabil.

Mengenai hubungan dua hala, Dr Mahathir mengulangi janji Malaysia untuk berkongsi pengalaman pembangunannya dengan Vietnam dan memberi bantuan di bidang teknologi getah, pengurusan pentadbiran dan teknikal.

"Kita lakukan semua ini dengan semangat persahabatan dan kerjasama serta kepercayaan penuh bahawa jiran yang stabil dan makmur akan menyumbang kepada kesela-

matan dan keamanan serantau.

"Kami juga yakin, Vietnam benar-benar ikhlas ingin hidup dalam aman dan bekerjasama dengan jirannya serta menjadi anggota Asia Tenggara yang bertanggungjawab," tegasnya.

Mengenai dua isu yang masih belum diselesaikan, iaitu soal orang pelarian dan tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Dr Mahathir yakin dengan adanya semangat persefahaman dan persahabatan, kedua-dua isu itu dapat diselesaikan dengan cepat.

Perdana Menteri dan rombongannya tiba jam 2 petang waktu Malaysia dan disambut oleh rakan sejawatnya, Vo Van Kiet.

Sementara itu, dalam ucapan alu-aluannya, Van Kiet melahirkan keyakinan beliau hubungan persahabatan dan kerjasama kedua-dua negara akan mencapai kejayaan cemerlang pada masa depan.

Turut mengikuti rombongan Perdana Menteri ialah empat menteri, iaitu Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S. Samy Vellu.

Selain itu, turut serta ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Osman Aroff, Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Koh Tsu Koon.

Barat: PM

Asean